



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	DANA RM350 JUTA DISALUR MENERUSI AGROBANK, NASIONAL, SH -12 PATENKAN NAMA HARUMANIS VERSI NEGERI LAIN, SUARA SINAR, SH-14 STOK MAKANAN CUKUP, LOKAL. HM-6 GALAK ANAK MUDA SERTA PAM, NASIONAL, SH-18 HARUMANIS HAK EKSKLUSIF PERLIS, NEGERI, SH-21 GERAN AGROPRENEUR MUDA BANTU USAHAWAN KEMBANGKAN PERNIAGAAN, NASIONAL, SH-21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
7. 8.	MANFAAT 14,000 USAHAWAN MIKRO, BISNES, HM-18 AGROBANK KENAL PASTI 5 KUMPULAN SASARAN, BISNES, BH-32	AGROBANK
9.	KEMPEN LEBIHKAN MAKAN ULAM, NEGERI, SH-22	FAMA
10.	KADA YAKIN TINGKAT HASIL PADI DI KELANTAN, NEGERI, SH-22	KADA
11. 12.	EVOLUSI SISTEM PENGAIRAN DAN SALIRAN, SH-16-17 RANCANGAN PENGAIRAN MUDA BANTU TINGKATKAN PENGELUARAN PADI, SH-17	MADA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Dana RM350 juta disalur menerusi Agrobank

PUTRAJAYA - Dana Pembiayaan Mikro Kredit Agro Makanan berjumlah RM350 juta kepada komuniti agro yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19) akan disalurkan menerusi Agrobank.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, dana tersebut disalurkan untuk membantu usahawan mikro yang terlibat dalam sektor agromakanan terutama komuniti agro di bawah kategori B40 yang terjejas kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menampung kos operasi perniagaan mereka.

“Dana ini akan memberi peluang kepada usahawan mikro untuk mendapatkan



RONALD KIANDEE

modal pusingan bagi perniagaan mereka.

“Ia juga merupakan galakan kepada usahawan baharu yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan selain tu-

rut membantu pengusaha sedia ada terutama peniaga pasar tani, pasar nelayan dan pasar pagi,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Antarabangsa untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKKS) sepertimana yang telah diwartakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tarikh 27 Jun setiap tahun.

Pengumuman itu dibuat beliau susulan kenyataan Per-

dana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan peruntukkan dana berjumlah RM350 juta yang dikhususkan untuk Dana Agromakanan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) pada 5 Jun lalu.

Susulan itu, Ronald turut mengumumkan kementerianya menasaskan lima kelompok usahawan mikro daripada sektor agromakanan iaitu usahawan tani di bawah Agensi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), nelayan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan pesawah padi.

Ia turut disasarkan kepada perniagaan baharu berasaskan pertanian, hiliran dan makanan serta perusahaan sedia ada berasaskan pengeluaran tani termasuk usahawan mikro.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	14



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

Patenkan nama 'harumanis' versi negeri lain

MERAK Jalanan setuju langkah Perlis mempertahankan ikon buah mempelam harumanis sebagai hak milik eksklusif kerajaan negeri itu.

Nama tersebut secara rasminya telah disahkan hak milik eksklusif kerajaan negeri Perlis selepas Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) meluluskan pendaftaran jenama itu pada 2011 sehingga 2021.

Menurut Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis Perlis, Datuk Hashim

Suboh, tiada mana-mana pihak yang diizinkan mengguna pakai jenama tersebut untuk produk mereka, biarpun mempelam itu berbuah di tempat lain.

Katanya, larangan penggunaan jenama harumanis itu adalah bagi mengelak kekeliruan pengguna terhadap harumanis Perlis dengan produk mempelam yang sedang diusahakan di lokasi lain.

Apa yang Merak Jalanan mahu cadangkan adalah supaya negeri lain turut mempatenkan hasil keluaran mempelam

'harumanis' di negeri masing-masing.

Mereka boleh namakan sebagai harumi manisnya, harumi manis kaw-kaw, mempelam harum ataupun mempelam manis harum bagi mengelakkan menggunakan nama eksklusif harumanis Perlis.

Merak Jalanan yakin, jika diusahakan dengan tekun, ditambah dengan penyelidikan yang mantap, siapa sangka kelak, mempelam 'harumanis' yang ditanam di Kedah, Kelantan dan Ter-

engganu lebih sedap daripada harumanis yang ditanam di negeri Perlis.

Pekebun di negeri lain juga dapat menandingi 3,000 pengusaha harumanis di Perlis yang mengusahakan kawasan melebihi keluasan 150 hektar dengan tanaman itu.

Malah apa yang lebih penting, dengan kualiti yang sama, pembeli dapat menikmati Raja Manga itu pada harga lebih rendah berbanding ketika ini sekitar RM30 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	HARIAN METRO	LOKAL	6

Stok makanan cukup

Kuala Lumpur: Tidak timbul isu kekurangan bekalan makanan di pasaran. Itu hasil pemantauan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) di peringkat pengeluar makanan bagi memastikan bekalan tidak terjejas.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, orang ramai dinasihati tidak bim-

bang dengan bekalan makanan dan keperluan kerana ia dijamin mencukupi.

Katanya, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) membuat pemantauan harian ke 25 jenis bekalan barangan di 845 premis perniagaan termasuk peruncit (639), pemborong (175) dan pengilang (31).

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

29/6/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

18

Galak anak muda sertai PAM

Bagi memastikan industri makanan negara terus membangun dan mampu menjana pendapatan

Oleh NOR FAHANA YAACOB

MELAKA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mempergiatkan usaha untuk mencari lebih ramai golongan muda menyertai Program Agropreneur Muda (PAM) di seluruh Malaysia pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penglibatan mereka yang berusia 18 hingga 40 tahun itu dapat memastikan industri makanan negara terus membangun dan mampu menjana pendapatan terutama ketika negara berdepan pandemik coronavirus (Covid-19).

Menurutnya, langkah itu juga sekali gus mampu mencapai sasaran 1,200 usahawan muda menyertai dan menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun ini menerusi peruntukan sebanyak RM20 juta.

"Setakat ini seramai 238 usahawan muda daripada



Ahmad (dua dari kiri) melihat produk kambing sejuk beku diusahakan Azwari Che Ab Ghani (tiga dari kiri) di restoran di Bandar Jasin Bestari kelmarin.



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Eravazura Salleh (kanan) sempena program Jelajah Agropreneur Muda di Ayer Keroh kelmarin.

1,200 yang disasarkan telah lulus dan berjaya dengan jumlah RM4.01 juta di seluruh negara.

"Untuk pemilihan lulus, kita buat siasatan. Bukan sahaja melihat projek yang diusahakan, kita juga melihat prestasi mereka kerana madamat kita adalah untuk melahirkan seramai mungkin usahawan Agropreneur Muda," katanya kepada pemberita ketika program Jelajah Agropreneur Muda di beberapa kawasan di sini kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Haslina Hamid dan Exco Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk

Nothizam Hassan Baktee.

Ahmad berkata, permohonan yang diterima setakat ini sangat menggalakkan dan ramai golongan muda mengambil peluang menyertai PAM yang dilancarkan sejak empat tahun lalu.

Menurutnya, peluang yang disediakan kerajaan membolehkan golongan berkenaan memperkasakan perniagaan mereka, sama ada dalam sektor penternakan, pertanian, perikanan, perindustrian makanan, agropelancongan mahupun pemasaran.

"Melalui GAM, mereka dibantu termasuk dari segi bantuan barangan sehingga RM20,000 untuk projek baharu," katanya.

Pada program tersebut, Ah-



Ahmad (tiga dari kanan) mendengar penerangan proses penghasilan sos oleh Ridwan Hafidz (kiri) di kawasan perindustrian Halal Hub, Serkam kelmarin.

mad turut menyampaikan Kit Bantuan Makanan kepada beberapa penerima, selain melawat Halal Hub Serkam, perni-

agaan makanan di Ansur Ternak Bandar Jasin Bestari dan Kedai Kek Zowa di Tamen Tasik Utama, Ayer Keroh di sini.

Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan

MELAKA - Usahawan muda perlu merebut pelbagai geran yang disediakan kerajaan bagi membantu perniagaan mereka berkembang maju.

Pemilik Kedai Kek Zowa, Eravazura Salleh, 35, berkata, ruginya usahawan muda mensiasikan peluang tersebut.

"Saya bersyukur kerana permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) yang dibuat mendapat kelulusan sebanyak RM15,000 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada tahun 2017.

"Dengan adanya bantuan yang diberikan dari segi peralatan seperti penyujuk, ia membantu saya menghasilkan lebih banyak produk kek dan



ERAVAZURA



RIDWAN HAFIDZ



AZWARI

kek tidak cepat cair," kata ibu kepada dua anak ini kepada *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Eravazura yang berasal dari Sibul, Sarawak mengusahakan kek keju di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini berkata, selain bantuan peralatan, beliau turut menerima bantuan dari segi kewangan dan kursus bagi memperkasakan perniagaan

yang diusahakan.

Sementara itu, pengusaha sos keju berasal dari Chin Chin, Jasin di sini, Ridwan Hafidz Rosli, 29, berkata, melalui program GAM, beliau mampu menghasilkan sos yang lebih berkualiti melalui ilmu yang dikongsi, selain peralatan bantuan bernilai RM15,000 pada

tahun 2016 seperti mesin pengisar.

"Bantuan yang paling penting di bawah program ini adalah nasihat dan motivasi yang diberikan daripada kerjagaan serta pihak MARDI.

"Jika sebelum ini saya hanya menghasilkan sos keju yang boleh bertahan dua minggu tetapi dengan bantuan GAM, saya kini mampu menghasilkan sos yang boleh ber-

tahan sehingga lapan bulan," katanya yang mengusahakan perniagaan di kawasan perindustrian Halal Hub dekat Serkam di sini.

Pengusaha kambing bakar, Azwari Che Ab Ghani, 36, pula berkata, bantuan peralatan berjumlah RM10,000 memberi banyak manfaat kepadanya yang dahulu bekerja sebagai mekanik di Kuala Lumpur.

Menurutnya, bantuan tersebut dapat mengukuhkan dan mempelbagaikan lagi perniagaan kambing bakar beliau sehingga berjaya menghasilkan kambing bakar sejuk beku.

"Bermula dengan berniaga dari Pasar Tani FAMA, kini saya mampu meluaskan perniagaan dengan membuka restoran berasaskan kambing seperti nasi arab dan kari kambing," katanya yang berasal dari Kelantan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	21

Harumanis hak eksklusif Perlis

Negeri lain tidak dibenarkan guna nama harumanis untuk mempelam mereka

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

KANGAR

Persatuan Pengusaha Harumanis Perlis meminta negeri lain selain Perlis tidak menggunakan jenama harumanis untuk mempelam diusahakan mereka.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Harumanis Perlis, Datuk Hashim Suboh berkata, ikon Perlis iaitu buah mempelam harumanis Perlis adalah hak eksklusif kerajaan negeri ini.

Katanya, nama tersebut secara rasminya telah disahkan hak milik eksklusif kerajaan

Perlis selepas Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) meluluskan pendaftaran jenama itu pada 2011 sehingga 2021.

“Sehubungan itu, tidak ada mana-mana pihak yang diizinkan mengguna pakai jenama tersebut untuk produk mereka, biarpun mempelam itu berbuah di tempat lain.

“Larangan penggunaan jenama ‘harumanis’ ini adalah bagi mengelak kekeliruan pengguna terhadap harumanis Perlis dengan produk mempelam yang sedang diusahakan di lokasi lain,” katanya ketika ditemui di Pusat Pemasaran Harumanis Farma Tani di sini semalam.

Katanya, beliau turut berharap kerajaan dapat memastikan jenama berkenaan dikekalkan sekiranya negeri lain berhasrat ingin mengembangkan harum-



HASHIM

anis.

“Jika mahu kembangkan harumanis, maka buah mempelam terbabit mestilah dinamakan sebagai harumanis Perlis,” katanya.

Hashim berkata, Kementerian Pertanian perlu memiliki dasar yang jelas dalam melindungi kepentingan harumanis Perlis supaya identitinya sebagai mangga premium dapat dikekalkan.

Katanya, hal ini disebabkan faktor cuaca, sifat tanah dan beberapa teknik tanaman yang betul di Perlis mempengaruhi rasa, kualiti dan penampilan harumanis tersebut.

Sebelum ini, media melaporkan mempelam harumanis tumbuh subur di beberapa negeri yang diberi jolokan sama iaitu ‘harumanis’.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	HARIAN METRO	BISNES	18

Manfaat 14,000 usahawan mikro

Kuala Lumpur: Agrobank mengenal pasti lima kumpulan sasaran usahawan agro untuk diberikan bantuan kewangan di bawah Skim Pembiayaan Mikro Kredit bernilai RM350 juta yang diumumkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, kumpulan itu adalah usahawan agro di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), nelayan, petani padi, syarikat baharu dan pengusaha mikro sedia ada.

“Tujuannya untuk menyediakan modal operasi

bagi pemulihan perniagaan dan dianggarkan lebih 14,000 usahawan mikro bakal mendapat manfaat daripada dana ini,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, sebagai institusi kewangan pembangunan yang diberikan mandat untuk mendukung pertumbuhan sektor pertanian, katanya Agrobank komited menyediakan pembiayaan dan penyelesaian kewangan yang relevan kepada komuniti agro.

“Akses kepada kewangan penting untuk memulakan dan menjana semula perniagaan yang terkesan akibat wabak ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	BERITA HARIAN	BISNES	32

Agrobank kenal pasti 5 kumpulan sasaran

Agrobank mengenal pasti lima kumpulan sasaran usahawan agro untuk diberikan bantuan kewangan di bawah Skim Pembiayaan Mikro Kredit bernilai RM350 juta yang diumumkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar, berkata kumpulan terbabit adalah usahawan agro di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), nelayan, petani padi, syarikat baharu dan pengusaha mikro sedia ada.

"Tujuannya untuk menyediakan modal operasi bagi pemulihan perniagaan dan dianggarkan lebih 14,000 usahawan mikro bakal mendapat manfaat daripada dana ini," katanya satu kenyataan kelmarin.

Sebagai institusi kewangan



Khadijah Iskandar

pembangunan yang diberikan mandat untuk mendukung pertumbuhan sektor pertanian di negara ini katanya, Agrobank komited untuk menyediakan pembiayaan dan penyelesaian kewangan yang relevan kepada komuniti agro.

"Akses kepada kewangan pen-

ting untuk memulakan dan menajana semula perniagaan yang terkesan akibat wabak ini. Kami percaya bahawa pengusaha akan mendapat manfaat daripada kadar rendah dan tidak memerlukan sebarang jaminan," katanya.

Pada 8 Jun, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengumumkan dana kredit mikro bernilai RM350 juta sebagai bantuan kepada usahawan agro yang terjejas oleh COVID-19.

Ini susulan daripada penguaman dibuat oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 Jun lalu bahawa kerajaan memperuntukkan RM350 juta bagi tujuan pembiayaan kredit mikro melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Dana

Agromakanan.

Dana ini bertujuan untuk memastikan kelestarian dalam sektor pertanian dan komoditi dengan memberikan bantuan kewangan kepada pengusaha mikro khususnya komuniti agro, di bawah kategori B40 yang terbabit dalam perusahaan pertanian dan pengeluaran makanan.

Khadijah berkata, bagi menyokong komuniti yang kurang mendapat liputan dan terpinggir, Agrobank secara aktif bekerjasama dengan rakan strategik seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), FELDA, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), kerajaan Pahang dan Sarawak serta banyak lagi untuk memberi peluang dan memperkasakan kumpulan B40.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	22

Kempen lebihkan makan ulam

FAMA harap usaha itu tarik minat masyarakat makan ulam, sayuran tempatan

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Pengusaha restoran dan kedai makan di negeri Kedah diminta mempelbagaikan jenis ulam-ulaman sebagai hidangan di premis mereka untuk menggalakkan pengambilan makanan lebih berkhasiat.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah, Isa Hamzah berkata, ini kerana berdasarkan *National Health & Morbidity Survey 2015* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 94 peratus penduduk di negara ini tidak mengambil

buah-buahan dan sayur-sayuran dalam kuantiti mencukupi berdasarkan saranan World Health Organization (WHO).

Sehubungan itu katanya, FAMA berharap agar usaha yang dilakukan oleh pihak restoran berjaya menarik minat orang ramai terutama generasi muda mendekati makanan berkhasiat itu.

"Terdapat juga beberapa jenis ulam-ulaman yang terkenal dalam kalangan masyarakat seperti petai, jering, pucuk gajus, ulam raja dan daun pegaga, namun tidak ramai yang mengetahui khasiat dimilikinya."

"Antara kandungan nutrisi ulam-ulaman ialah galian seperti mineral, vitamin utama iaitu kalsium, fosforus, besi, natrium dan kalium serta serat," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan kempen 'Lebihkan Makan Ulam-Ulaman dan Sayur Tempatan' di sini semalam.

Menurutnya, terdapat pelbagai jenis ulam-ulaman yang

tumbuh subur di negara ini malah ia dijual secara komersial dan menjadi sumber pendapatan kepada petani.

"Ulam juga boleh dikatakan sebagai pembuka selera dan pelengkap dalam hidangan makanan yang mana kalau di Kedah, ia dimakan dengan sambal belacan manakala Kelantan dengan budunya," katanya.

Beliau berkata, bagi menambah pengetahuan masyarakat mengenai kelebihan dan khasiat ulam-ulaman ini, orang ramai boleh mendapatkan buku *Ulam-ulaman Khazanah Negara dan 1001 Khasiat* yang telah dilancarkan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada Oktober tahun lalu.

Sementara itu, Isa berkata, FAMA Kedah berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM23 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Jumlah itu adalah hasil ju-



Isa (kiri) melihat Pengarah Jabatan Panyiaran Kedah, Rafiqi Othman menggalas nasi ulam sempena kempen 'Lebihkan Makan Ulam-Ulaman dan Sayur Tempatan' di Alor Setar semalam.

alan kepada 500,000 orang pengguna antara 18 Mac hingga 9 Jun daripada 300 peniaga di negeri ini. Buat masa ini, tiada

isu lambakan berlaku di Kedah termasuk penjualan buah-buahan bermusim termasuk durian dan rambutan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	22

KADA yakin tingkat hasil padi di Kelantan

KOTA BHARU - Pengerusi baharu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamarudin Md Nor yakin kadar pengeluaran padi di negeri itu dapat ditingkatkan.

Kamarudin berkata, pada tahun 2019 sebanyak 202,958 tan metrik padi dihasilkan dan ia sebenarnya sudah melebihi kadar kegunaan rakyat di negeri ini yang mana penggunaannya hanya 145,000 metrik tan setahun.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut KADA juga berjaya menyumbang hasil padi sebanyak 9.50 peratus kepada negara pada tahun lalu.

Bagaimanapun katanya, untuk menambah hasil keluaran, pihaknya perlu menangani beberapa masalah termasuk bekalan air yang dialami selama ini oleh pesawah di kawasan KADA.

"Padi jenis basah yang diusahakan di sini memerlukan jumlah air mencukupi pada satu-satu masa.



Kamarudin (kiri) dan Nik Roslan berbincang mengenai kemampuan KADA untuk memastikan bekalan beras sentiasa mencukupi.

Jadi itu antara perkara yang akan diberikan perhatian terutamanya musim kemarau.

"Saya yakin dengan bantuan kepakaran daripada pengurusan sedia ada ini dapat menyelesaikan kekangan yang dihadapi ini dalam tempoh lima tahun," katanya kepada pemberita semalam.

Terdahulu Kamarudin menghadiri taklimat per-

tama pengurusan tertinggi di Ibu Pejabat KADA yang turut dihadiri Pengurus Besarinya, Nik Roslan Idris.

Kamarudin berkata, pihaknya juga mendapati kawasan penanaman padi semakin sempit kerana digunakan untuk projek pembangunan termasuk pembinaan rumah menjadi antara faktor yang perlu diatasi bagi

meningkatkan pengeluaran hasil.

Menurutnya, lebih kurang 10,000 hektar kawasan penanaman padi sudah digunakan untuk pembangunan sejak lebih 40 tahun lalu.

"Semua masalah ini memerlukan kerjasama daripada kerajaan negeri dan Pusat untuk memastikan Kelantan bukan sahaja menjadi jelapang padi untuk negeri bahkan negara," katanya.

Beliau berkata, setakat ini penanaman padi di negeri ini diusahakan di tanah seluas 26,833 hektar dengan melibatkan 7,722 pesawah.

Dalam pada itu, ketika mengulas mengenai jawatan Pengerusi yang disandang oleh Datuk Husam Musa sebelum ini, Kamarudin berkata, beliau berhasrat untuk meneruskan sebarang idea baik yang disumbangkan bekas Pengerusi itu dalam merealisasikan misi penubuhan KADA.



Evolusi sistem pengairan dan saluran

Ubah landskap penanaman padi di Malaysia

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Aktiviti penanaman padi telah bertapak di negeri Kedah selama 500 tahun dahulu di kawasan tanah dataran di barat Kedah dan Perlis seperti yang terdapat pada rekod berulis.


Pada permulaan abad ke-19, ia semakin giat dijalankan susulan kemerosotan perdagangan yang memaksa pemerintah ketika itu beralih kepada kegiatan ekonomi baharu iaitu mempergiatkan tanaman padi.

Pembangunan tanaman padi tempu di kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu di Dataran Negeri Kedah dan Perlis kerana kawasannya yang rendah serta mudah dihanjiri air.

Pemilihan kawasan berkenaan telah menyebabkan sistem perparitan dibina bagi mengalirkan lebih air.

Pemilihan dan pembangunan kawasan tersebut telah menarik ramai pendatang terutama dari Pattani, Selatan Siam dan juga Jawa, Indonesia.

Bagaimanapun, perkembangan pertanian padi ketika itu tidak begitu pesat sehinggalah terbinanya Terusan Wan Mat Saman pada tahun 1885.




Sungai dua lapis di Tanah Merah Pendang (Tanah Merah Aqueduct).

Terusan sepanjang 35 kilometer itu adalah bukti bermulanya pembangunan sistem pengairan dan saluran di Kedah sehingga ia terkenal sebagai negeri jelapang padi Malaysia.

Terusan berkenaan adalah cetusan Menteri Besar Kedah ketika itu, Wan Muhammad Saman.

Tujuan utama pelaksanaannya adalah untuk menguri sawah ketika kekurangan air dan mengalirkan air keluar ketika air berlebihan.



Terusan Alor Chinglish.



Stesen Pembina Semula Air Saliran Gura semula air saliran menyumbang kepada kemajuan pertanian MADA.



Ampang Jajar, Alor Setar.



Wujudnya Rancangan Pengairan Muda

- Pembinaan Terusan Wan Mat Saman yang kurang efisien kerana bergantung pada air hujan menjadi pencetus Rancangan Pengairan Muda.
- Projek Muda I yang dimulakan pada tahun 1966 mengambil masa selama empat tahun untuk siap sepenuhnya dan menjadi projek terbesar di Asia ketika itu.
- Infrastruktur dalam kawasan Muda mengalami beberapa perubahan dari segi bentuk pengairan dan saliran berdasarkan topografi dan fizikal kawasan Muda yang menyebabkan wujudnya Projek Muda I dan Muda II.

Pembinaan terusan tersebut telah mengakibatkan kawasan paya antara Sungai Kedah dan Sungai Yan dapat dikeringkan untuk penanaman padi.

Kebanyakan penduduk turut mengambil peluang membuka perkampungan baharu di sepanjang terusan itu yang masih boleh dilihat sehingga kini.

Selain terusan tersebut, banyak lagi terusan kecil dibina bagi mengekalkan air terus ke kawasan-kawasan pedalaman dan antara terusan yang masih kekal serta digunakan sehingga kini ialah Sungai Simpang Empat, Sungai Kota Sarang Semut, Sungai Limau dan Sungai Guar Chempedak.

Penglibatan orang Melayu dalam penanaman padi ketika itu agak meluas namun tidak begitu teratur dan hanya dijalankan pada peringkat sara diri.

Ini disebabkan oleh pengawalan sumber air yang tidak begitu memuaskan. Walaupun Terusan Wan Mat Saman telah dibina, namun sumber air untuk mengairi tanaman tetap bergantung kepada hujan.

Masalah yang timbul itu kemudiannya telah membawa kepada wujudnya Rancangan Pengairan Muda dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Pertama (1965-1970) yang telah membawa perubahan kepada pesawah apabila mereka diperkenalkan dengan kaedah menanam padi dua kali setahun.



Pam bergerak digunakan untuk membantu pengairan pada peringkat lasteng.



Empangan Pedu juga adalah komponen utama Rancangan Pengairan Muda.

Rancangan Pengairan Muda bantu tingkatkan pengeluaran padi

RANCANGAN Pengairan Muda dilaksanakan pada April 1966 di bawah Rancangan Malaysia Pertama dan merupakan projek pembangunan yang terbesar di Asia pada tahun 1960-an.

Projek yang merangkumi keluasan 96,558 hektar itu melibatkan kos berjumlah RM245 juta dengan 47 peratus (RM114.6 juta) daripada kos itu dibiayai oleh Bank Dunia, manakala bakiannya dibiayai kerajaan Malaysia.

Projek Muda I telah bermula pada 1 April 1966 melibatkan komponen utama pembinaan, dua empangan iaitu Empangan Pedu dan Empangan Muda.

Projek tersebut turut melengkapkan pembangunan rangkaian infrastruktur peringkat primer dan sekunder bagi meningkatkan pengurusan air peringkat ladang dengan kepadatan 10 meter per hektar. Selepas empat tahun, Projek Muda I siap sepenuhnya pada 1970 dan peringkat pertama pengairan telah dimulakan di kawasan seluas kira-kira 33,600 hektar iaitu 35 peratus daripada 96,558 hektar kawasan Muda bagi tanaman padi luar musim.

Baki seluas 62,958 hektar kawasan dilaksanakan secara



Empangan Muda dalam pembinaan pada tahun 1968.

berperingkat dalam tempoh tersebut sehingga 1974.

Akhirnya bermula pada tahun 1975, keseluruhan Kawasan Muda boleh ditanam tanaman padi dua kali setahun hasil daripada pembinaan Projek Muda I.

Namun dalam tempoh pelaksanaan Projek Muda I, pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang ditubuhkan pada 1970 di bawah Dikri Darurat sentiasa menerima aduan daripada pesawah berkaitan masalah pengalihan bekalan air, antaranya pengalihan yang tidak cekap dan mengambil masa

panjang untuk mengalir dari satu petak ke petak sawah yang lain pada purata jarak 1.6 kilometer bagi setiap blok pengairan.

MADA yang komited menjaga kebijakan pesawah berusaha menangani masalah tersebut dan menyemak semula reka bentuk serta sistem pengurusan air yang lebih cekap dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi.

Akhirnya, keputusan terbaik yang dicapai adalah kerajaan melaksanakan pembangunan infrastruktur pada peringkat tersier.

Dengan itu, Projek Muda

II mula dilaksanakan pada 1979 dengan pembinaan kemudahan infrastruktur tersier melibatkan tali air, parit dan jalan ladang dengan kos RM225 juta.

Projek itu sehingga 1987 telah dapat meningkatkan 38 blok pengairan seluas 18,368 hektar (19 peratus) daripada kawasan Muda dilengkapi dengan kepadatan infrastruktur pada tahap 30 meter per hektar.

Sebenarnya, kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan sistem tersier di kawasan Muda dalam usaha menyediakan rangkaian kemudahan yang komprehensif untuk meningkatkan pengeluaran padi negara.

Ini dapat dibuktikan apabila di bawah Rancangan Malaysia Keenam hingga Kesembilan (1986-2010), kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM94.3 juta untuk membangunkan rangkaian infrastruktur tersier.

Menerusi usaha tersebut, sehingga kini seluas 34,989 hektar iaitu 36 peratus daripada 96,558 hektar kawasan Muda dibangunkan dengan blok pengairan tersier. Ia melibatkan sejumlah 44 blok pengairan daripada jumlah 172 blok pengairan di keseluruhan kawasan Muda. Baki 128 blok

pengairan lagi sedang dan akan ditingkatkan kepadatan infrastruktur ke peringkat tersier dalam Rancangan Malaysia semasa dan seterusnya.

Kesimpulannya, sejarah penanaman padi dan detik kelahiran MADA jelas menunjukkan perkembangan padi di kawasan Muda khususnya dan amnya di negeri Kedah dan Perlis bermula dengan pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran.

Terdapat dua tahap yang telah mengubah landskap penanaman padi dan taraf hidup pesawah ketika itu. Pertama, selepas pembinaan Terusan Wan Mat Saman dan kedua selepas pembinaan Rancangan Pengairan Muda.

Transformasi pembangunan yang berlaku bukan sahaja mengubah pelan pembangunan negara, malah turut memberi kesan kepada sosio ekonomi negara.

Dari segi pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran tersebut telah membawa kepada sistem pengawalan dan pengurusan air yang lebih efisien dan sistematis sehingga tanaman padi dua kali setahun boleh dijalankan secara mampan sehingga hari ini selepas 50 tahun MADA ditubuhkan.

Headline	Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	18	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,533
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,599



Geran Agropreneur Muda bantu usahawan kembangkan perniagaan

MELAKA - Usahawan muda perlu membuat pelbagai jenis yang disediakan kerajaan bagi membantu perniagaan mereka berkembang maju.

Pemilik Kedai Kek Zowa, Eravaizura Salleh, 35, berkata, rugi sekiranya usahawan muda meniadakan peluang tersebut.

"Saya bersyukur kerana permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) yang dibuat mendapat kelulusan sebanyak RM15,000 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) pada tahun 2017.

"Dengan adanya bantuan yang diberikan dari segi peralatan seperti penyujuk, ia membantu saya menghasilkan lebih banyak produk kek dan



ERAVAIZURA



RIDWAN HAFIDZ



AZWARI

kek tidak cepat cair," kata ibu kepada dua anak ini kepada *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Eravaizura yang berasal dari Sibu, Sarawak mengusahakan kek keju di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh di sini berkata, selain bantuan peralatan, beliau turut menerima bantuan dari segi kewangan dan kursus bagi memperkayakan perniagaan

yang diusahakan.

Sementara itu, pengusaha sos keju beku dari Chin Chin, Jinin di sini, Ridwan Hafidz Rowli, 29, berkata, melalui program GAM, beliau mampu menghasilkan sos yang lebih berkualiti melalu ilmu yang dikongsi, selain peralatan bantuan bernilai RM15,000 pada

tahun 2016 seperti mesin pengisar.

"Bantuan yang paling penting di bawah program ini adalah nasihat dan motivasi yang diberikan daripada kenjaan serta pihak Mardi.

"Jika sebelum ini saya hanya menghasilkan sos keju yang boleh bertahan dua minggu tetapi dengan bantuan GAM, saya kini mampu menghasilkan sos yang boleh berda-

han sehingga lapan bulan," katanya yang mengusahakan perniagaan di kawasan perindustrian Halal Hub dekat Serkam di sini.

Pengusaha kambing bakar, Azwari Che Ab Ghani, 36, pula berkata, bantuan peralatan berjumlah RM10,000 memberi banyak manfaat kepadanya yang dahulu bekerja sebagai mekanik di Kuala Lumpur.

Menurutnya, bantuan tersebut dapat mengukuhkan dan mempelbagaikan lagi perniagaan kambing bakar beliau sehingga berjaya menghasilkan kambing bakar sejuk beku.

"Bermula dengan berniaga dari Pasar Tani PAMA, kini saya mampu meluaskan perniagaan dengan membuka restoran berasaskan kambing seperti nasi arab dan kari kambing," katanya yang berasal dari Kelantan.